

21/03/2005

Mahathir-Saintis

NEGARA ISLAM DIGESA KAJI SEMULA POLISI IMIGRESEN BABITKAN SAINTIS

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Negara-negara Islam perlu belajar untuk menjadi lebih terbuka dan menerima kehadiran pendatang asing, terutama dari kalangan saintis, sepertimana yang dilakukan oleh negara-negara bukan Islam, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata pengalaman Malaysia telah menunjukkan bahawa pendatang asing, cenderung untuk memperkayakan negara yang didudukinya itu dari segi kebudayaan, dan juga dari segi pertumbuhan ekonomi.

"Malah sehingga hari ini beribu-ribu saintis Islam menyumbang kepada pengetahuan saintifik, melakukan penyelidikan dan terbabit dalam meneraju teknologi terkini. Tapi ia tidak dilaksanakan di negara-negara Islam, ia hanya dilakukan di negara-negara bukan Islam," katanya semasa berucap pada Persidangan Sains Akademik Islam di Mutiara Hotel di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata pada masa ini, saintis Islam terkemuka tinggal dan bekerja di negara-negara bukan Islam, dan menurutnya sesetengah dari mereka menganggap negara Islam sebagai musuh atau tidak menyukai mereka.

"Mereka (saintis berkenaan) menyumbang kepada kemajuan saintifik untuk negara-negara yang seringkali bermusuhan dengan negara Islam, yang menganggap umat Islam sebagai pengganas, tidak berkemampuan untuk memerintah negeri sendiri," katanya.

Katanya setiap tahun negara-negara Islam membelanjakan berjuta-juta wang untuk pendidikan, dan akhirnya terpaksa melihat bakat-bakat yang berpotensi meninggalkan negaranya untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa di tempat asing.

"Kita boleh bendung perkara ini, dan kita memang cukup kaya untuk berbuat demikian. Kita boleh berhenti menjadi musuh kepada saintis kita sendiri. Kita boleh bekalkan mereka dengan pelbagai perkara yang diperlukan seperti makmal, peralatan, dana dan insentif peribadi. Apa yang diperlukan hanya kemahuan. Keupayaan sudah sedia ada," katanya.

-- BERNAMA

YBK ZS AZH